



PRIVACY NOTICE

This Notice on Personal Data is issued to all Hong Leong Islamic Asset Management Sdn Bhd ("HLISAM")'s customers pursuant to the requirements of the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"), from whom personal data have been and/or may in future be collected. The term "personal data" refers to information relating directly or indirectly to customers from which they can be identified or are identifiable and includes any sensitive personal data and expression of opinion about them.

1. Personal Data Confidentiality

- 1.1 Hong Leong Islamic Asset Management Sdn Bhd ('HLISAM') to protect the confidentiality of the personal information ('data') of customers, business counterparts and any personal data of other individuals that may be provided to HLISAM (hereinafter collectively referred to as 'data subjects'), that has been provided to HLISAM. This Policy is accordingly addressed to these data subjects in the jurisdiction of Malaysia.
- 1.2 This Policy is developed to assist you, as a data subject, in understanding how we collect, disclose, transfer and store your personal information and how we intend to deliver the rights and protection that you are entitled to.
- 1.3 Ensuring the security of your personal information is our priority. We strive to protect the confidentiality of this information by maintaining appropriate physical, electronic, and procedural safeguards. We invest in systems and infrastructure to minimize any risks of compromising data security. Each of our employees is also bound by our Code of Conduct and Ethics which requires them to maintain customer confidentiality.
- 1.4 When we use other companies to provide services to our customers on our behalf ('service providers'), we also require them to protect the confidentiality of your personal information that they may receive.
- 1.5 In relation to Clause 1.4 above and Clause 4.2 below, please understand that we will only share your information with our service providers and business partners* in accordance with this Policy.

**(In this policy business partners include but are not limited to third party entities who provide or offer products and services with or through HLISAM)*

2. Choice to Supply Personal Data

- 2.1 As a data subject of HLISAM, you are provided opportunities to make choices. We encourage you to make choices that enable us to provide you with quality products and services that help you to meet your financial needs and objectives.
- 2.2 The collection of data by HLISAM may be mandatory or voluntary/optional in nature in order to establish or continue to enjoy HLISAM's financial services and/or establish any other business relationships with HLISAM.
- 2.3 It is necessary for you to provide data which are mandatory. If you choose not to supply such data, this may result in HLISAM being unable to provide products and/or services or otherwise deal with you.
- 2.4 We endeavour to keep you informed of the latest marketing and promotional offers that we feel would be useful and beneficial to you. These may include programs you may find valuable in helping you manage your account; such as product or service upgrades, credit line increases and other benefits.
- 2.5 However, you can choose not to receive these marketing and promotional offers. You can do so by informing HLISAM. Your request will be processed and no fees will be charged.

3. Types of Personal Data Collected

- 3.1 Personal data is described by the Personal Data Protection Act 2010 as information relating directly or indirectly to an individual who is identified or can be identified from that information.
- 3.2 The types of personal data collected may vary according to the business relationship that is established. Data collected may include the following:
 - data collected on applications or other forms or as provided by you, such as name, IC number or passport number (for foreigners), address, e-mail address, telephone number, race, occupation, financial position such as assets and income, investment objectives, employer's details, family members and personal information about them and such other information as may be relevant for your application;
 - data about your transactions with HLISAM, its service providers, business partners or other third parties, such as account balances, payment history, and account activity;
 - data from credit bureau reports;
 - data from credit reporting agencies;
 - data from governmental agencies, regulatory and statutory authorities;
 - data from your joint account holder(s);
 - data obtained from your access to HLISAM's web server, for example, by the use of cookies, i.e. small text files, sent by HLISAM's server to your system when you access HLISAM's server; and
 - data from publicly available sources.

4. Use of Personal Data

- 4.1 HLISAM collects your data for the provision of financial services or products requested by you in order to meet your financial needs and objectives.
- 4.2 In addition to the above, HLISAM may also make arrangements with business partners to jointly develop, offer and provide products and services or launch marketing campaigns that may involve the sharing of your personal information.
- 4.3 Your personal data may be used or processed by HLISAM or HLISAM's service providers for the following purposes: -
 - to establish a relationship between you and HLISAM and/or companies related to or affiliated to HLISAM, HLISAM's service providers and business partners;
 - to process applications for products and services;
 - to evaluate and monitor credit worthiness;
 - for evaluation and due diligence purposes;
 - for carrying out your instructions and the provision of products and services to you, including but not limited to whether provided personally or through telephone or electronic means, including processing of receipts and payments;
 - for data processing purposes;
 - to evaluate and monitor provision of services;
 - to respond to inquiries from you;
 - to understand your needs and offering products and services to meet those needs;
 - for the research and development of products and services for customers' use;
 - to allow HLISAM, HLISAM's related and/or affiliated companies, service providers and business partners to promote their products and services;
 - for debt collection purposes;
 - for enforcement of our rights and obligations of other parties to us and/or our affiliates;
 - to enable a party to evaluate any actual or proposed assignment, participation, sub-participation and/or novation of our rights and/or obligations;
 - to meet legal and regulatory requirements, which may include disclosure, notification and record retention requirements;
 - to maintain and protect our offices;
 - or audit and risk management;
 - for any transfer or proposed transfer of any part of HLISAM's interests, obligations, business and/or operations;
 - for such other purposes as permitted by applicable law or with your consent; and
 - for all other purposes incidental and associated with any of the above



5. Disclosure of Personal Data

5.1 For the purposes above, your personal data may be provided by HLISAM to: -

- any person under a duty of confidentiality to HLISAM or to companies related to or affiliated to HLISAM;
- companies related to or affiliated to HLISAM (whether such company operates in Malaysia or elsewhere);
- Bank Negara Malaysia, Securities Commission Malaysia, any other relevant authority as may be authorized by law to obtain information about you, authorities/agencies established by Bank Negara Malaysia and/or any other person as may be authorised by law or any governmental authority and/or regulatory authority and/or any industry related association;
- any relevant agent, contractor or third-party service provider who provides administrative, telecommunications, computer, payment, securities clearing, management, audit or other services to HLISAM;
- any banking, financial or other institution with which you have or propose to have dealings with;
- lawyers, auditors, tax advisors, investment banks and other professional advisors which is restricted to the nature of the business relationship in which you are involved in with HLISAM;
- any person or corporation to whom HLISAM transfers or proposes to transfer any part of its interests, obligations, business and/or operations;
- any nominee, trustee, co-trustee, centralised securities depository or registrar, custodian, estate agent, solicitor or other person who is involved with the provision of services or products by HLISAM to you;
- any person by whom HLISAM is required by applicable legal, governmental or regulatory requirements to make disclosure; or
- to HLISAM's business partners or any other person reasonably requiring the same in order for HLISAM to carry out the activities set out in the above purposes.
- to HLISAM's insurance service providers and their authorised agents, related companies, affiliates, other insurance or takaful companies, operators, brokers, distribution partners (such as banks, Islamic banks, brokers), industry trade associations, merchants, strategic partners, enforcement regulatory and governmental agencies. Please take note of any relevant insurance providers whose products are offered with or linked to your relevant HLISAM product or service. Please read our insurance providers' privacy notices (posted on their respective websites) before you sign up for any product or service. You may seek further information about the relevant insurance providers and their website addresses using the contact details set out in Clause 7.2 below. By signing up for any product or service with us, you shall be deemed to have read and accepted the privacy notices of the insurance providers.

HLISAM may disclose data to any or all of the parties stated above and may if necessary, do so notwithstanding the recipient's place of business is outside Malaysia, or that such information following disclosure will be collected, held, processed or used by such recipient in whole or in part outside Malaysia.

6. Data Subject's Obligations

- 6.1 You are responsible for providing accurate and complete information to HLISAM about yourself and any other person whose personal information you provide us and for updating this personal information as and when it becomes incorrect or out of date by contacting the Personal Data Protection Officer via the contact details provided below.
- 6.2 In the event you may need to provide HLISAM with personal information relating to third parties (for example about your spouse or children or the authorised persons or directors from an organisation or company) in connection with the financial services or products requested by you, you confirm that you have (i) obtained such individuals' consent or are otherwise entitled to provide the individuals' personal information to HLISAM for HLISAM to process and use accordingly, and (ii) informed the relevant individuals of HLISAM's policy on personal data and referred them to HLISAM's Privacy Policy at HLISAM's website (<https://hlam.com.my/hlisam/>).

7. Right to Access, Transmit and Correct Personal Data

- 7.1 You are entitled to ask whether HLISAM holds data on you and to request (i) Access; (ii) transmit; and/or (iii) correction of any such data held. You will be required to fill up a form and a reasonable administrative fee may be charged for processing each request.
- 7.2 If you wish to make any such request(s) stated above, please contact our Personal Data Protection Officer (refer to Section 9 below) and we will facilitate the fulfilment of your request as soon as possible.

8. Amendments to this Privacy Policy

- 8.1 This Policy may be reviewed and amended from time to time. We will communicate such changes along with the updated Policy on HLISAM's website (<https://hlam.com.my/hlisam/>), and/or other appropriate communication means as may be determined by HLISAM.

9. Contact Details of Data Protection Officers

Name	Adrian Lee Tze Kuean	Wan Siew Yin
Position	Acting Head of Compliance	Head of Operations
Phone Number	03 2081 8600	
Email	dpo@hlam.hongleong.com.my	



NOTIS PRIVASI

1. Kerahsiaan Data Peribadi

- 1.1 Hong Leong Islamic Asset Management Sdn Bhd ('HLISAM') berusaha untuk melindungi kerahsiaan data peribadi ('data') pelanggan, rakan perniagaan dan mana-mana data peribadi individu lain yang diberikan kepada HLISAM (dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai 'subjek data'), yang telah diberikan kepada HLISAM. Dasar ini ditujukan kepada subjek data dalam bidang kuasa Malaysia.
- 1.2 Dasar ini adalah bertujuan untuk membantu anda, sebagai subjek data, untuk memahami bagaimana kami mengumpul, mendedah, memindah dan menyimpan maklumat peribadi anda dan bagaimana kami akan memberikan hak dan perlindungan yang wajar diterima oleh anda.
- 1.3 Memastikan keselamatan data peribadi anda adalah keutamaan kami. Kami akan berusaha untuk melindungi kerahsiaan maklumat ini dengan memastikan adanya perlindungan yang sesuai dari segi fizikal, elektronik dan prosedur. Kami membuat pelaburan dalam sistem dan infrastruktur bagi mengurangkan risiko keselamatan data daripada dikompromi. Setiap pekerja kami juga terikat dengan Kod Kelakuan dan Etika yang mewajibkan mereka untuk memelihara kerahsiaan maklumat pelanggan.
- 1.4 Apabila kami menggunakan syarikat lain ('pembekal perkhidmatan') untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan kami, kami juga akan mewajibkan mereka untuk melindungi kerahsiaan data peribadi anda yang mungkin diperolehi oleh mereka.
- 1.5 Berhubung dengan klausa 1.4 di atas dan klausa 4.2 di bawah, adalah diharapkan anda memahami bahawa kami akan hanya berkongsi maklumat anda dengan pembekal perkhidmatan dan rakan perniagaan* kami mengikut kandungan Dasar ini.

**(Dalam polisi ini rakan perniagaan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada entiti pihak ketiga yang menyediakan atau menawarkan produk atau perkhidmatan dengan atau melalui HLISAM).*

2. Pilihan untuk Memberi Data Peribadi

- 2.1 Sebagai subjek data, anda diberi peluang untuk membuat pilihan. Kami menggalakkan anda untuk membuat pilihan yang membolehkan kami memberikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti yang akan membantu anda memenuhi keperluan dan objektif kewangan anda.
- 2.2 Data yang dikumpulkan oleh HLISAM terbahagi kepada data yang wajib diberi atau secara sukarela bagi membolehkan anda mendapat atau terus memperoleh khidmat kewangan dari HLISAM dan/atau berhubung dengan HLISAM untuk apa-apa urusan perniagaan.
- 2.3 Adalah perlu bagi anda untuk memberikan data yang wajib. Sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan data tersebut, HLISAM mungkin tidak akan dapat menawarkan produk dan/atau perkhidmatan ataupun berurusan dengan anda.
- 2.4 Kami akan berusaha untuk memastikan anda sentiasa dimaklumkan mengenai tawaran pemasaran dan promosi terkini yang mungkin berguna dan bermanfaat untuk anda. Ini termasuk program-program yang mungkin berguna dalam membantu anda menguruskan akaun anda; sebagai contoh menaiktaraf perkhidmatan, penambahan had kredit/pembiayaan dan manfaat-manfaat lain.
- 2.5 Walaubagaimanapun, anda boleh memilih untuk tidak menerima tawaran-tawaran pemasaran dan promosi ini. Anda boleh berbuat demikian dengan memberitahu HLISAM. Permintaan anda akan diproses dan tiada sebarang bayaran akan dikenakan.

3. Jenis-jenis Data Peribadi yang Dikumpul

- 3.1 Data peribadi ditakrif di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 sebagai maklumat yang berkaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mengenai seseorang individu yang dikenal pasti atau yang boleh dikenal pasti melalui maklumat tersebut dikenal pasti atau yang boleh dikenal pasti melalui maklumat tersebut.
- 3.2 Jenis-jenis data peribadi yang dikumpul mungkin berbeza bergantung kepada urusan perniagaan yang dilaksanakan. Data yang dikumpul adalah seperti berikut:
 - Data yang diambil di dalam permohonan atau borang-borang lain atau sepertimana yang diberikan oleh anda, seperti nama, nombor kad pengenalan atau passport (untuk warga asing), alamat, alamat emel, nombor telefon, bangsa, pekerjaan, kedudukan kewangan seperti aset dan pendapatan, objektif pelaburan, maklumat majikan, ahli keluarga dan maklumat peribadi berkenaan mereka dan maklumat-maklumat lain yang mungkin berkaitan dengan permohonan anda;
 - Data berkaitan dengan transaksi anda dengan HLISAM, pembekal perkhidmatan, rakan perniagaan atau pihak ketiga lain, seperti baki akaun, rekod bayaran dan aktiviti akaun;
 - Data dari laporan-laporan biro kredit;
 - Data dari agensi laporan kredit;
 - Data dari agensi kerajaan, pihak berkuasa dan badan-badan berkanun;
 - Data daripada pemegang akaun bersama anda;
 - Data yang diperolehi melalui akses anda kepada komputer induk (server) HLISAM, contohnya, dengan menggunakan 'cookies', i.e. fail-fail teks kecil, yang dihantar oleh server HLISAM ke sistem anda apabila anda mengakses ke server HLISAM; dan
 - Data yang didapati dari sumber-sumber awam.

4. Penggunaan Data Peribadi

- 4.1 HLISAM mengumpul maklumat anda untuk tujuan memberikan perkhidmatan kewangan atau produk-produk yang dipohon oleh anda untuk memenuhi keperluan dan objektif kewangan anda.
- 4.2 HLISAM juga boleh berurusan dengan rakan-rakan perniagaan untuk membangunkan, menawarkan dan menyediakan, secara usahasama, produk dan perkhidmatan atau melancarkan kempen-kempen pemasaran yang mungkin melibatkan perkongsian data peribadi anda.
- 4.3 Data peribadi anda boleh diguna atau diproses oleh HLISAM atau pembekal perkhidmatan HLISAM untuk tujuan-tujuan berikut:
 - Untuk urusan perniagaan di antara anda dan HLISAM dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dengan atau yang bergabung dengan HLISAM, pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan niaga HLISAM;
 - Untuk memproses permohonan-permohonan untuk produk dan perkhidmatan;
 - Untuk menilai dan memantau keupayaan kredit/pembiayaan;
 - Untuk tujuan penilaian dan usaha wajar;
 - Untuk menjalankan arahan anda dan untuk tujuan penyediaan produk dan perkhidmatan kepada anda, termasuk dan tidak terhad kepada, sama ada diberikan secara bersemuka atau melalui medium telefon atau elektronik, termasuk untuk pemprosesan resit dan bayaran;
 - Untuk tujuan pemprosesan data;
 - Untuk menilai dan memantau pemberian perkhidmatan;
 - Untuk memberi respon kepada pertanyaan-pertanyaan dari pihak anda;
 - Untuk memahami keperluan anda dan menawarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan tersebut;
 - Untuk tujuan kajian dan pembangunan bagi produk dan perkhidmatan untuk kegunaan pelanggan;
 - Untuk membolehkan HLISAM, syarikat-syarikat berkaitan dan/atau berhubung dengan HLISAM, pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan untuk mempromosi produk dan perkhidmatan mereka;
 - Untuk tujuan pengutipan hutang;



- Untuk tujuan menguatkuasakan hak-hak dan kewajiban kami daripada pihak lain ke atas kami dan/atau sekutu-sekutu kami;
- Untuk membolehkan sesebuah pihak untuk menilai sebarang tugas sebenar atau dicadangkan, penyertaan, sub-penyertaan dan/atau novasi hak-hak dan/atau kewajiban kami;
- Untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan, yang mungkin melibatkan pendedahan, notifikasi dan penyimpanan rekod;
- Untuk mengekalkan dan melindungi pejabat-pejabat kami;
- Untuk tujuan audit dan pengurusan risiko;
- Untuk tujuan pemindahan atau cadangan pemindahan mana-mana bahagian kepentingan, kewajiban, bisnes dan/atau operasi HLISAM.
- Untuk apa-apa tujuan lain yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan atau dengan kebenaran anda; dan
- Untuk semua tujuan-tujuan lain yang bersampingan dan berkaitan dengan mana-mana di atas.

5. Penzahiran Data Peribadi

5.1 Bagi tujuan-tujuan di atas, data peribadi anda mungkin boleh diberikan oleh HLISAM kepada:

- Mana-mana pihak yang mempunyai kewajiban kerahsiaan dengan HLISAM atau kepada syarikat-syarikat berkaitan atau yang berhubung dengan HLISAM;
- Syarikat-syarikat yang berkaitan atau berhubungan dengan HLISAM (sama ada syarikat tersebut beroperasi di Malaysia atau di tempat lain);
- Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang diberi kuasa melalui undang-undang untuk memperoleh maklumat kamu, pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh undang-undang atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan/atau pihak berkuasa kawal selia dan/atau mana-mana persatuan berkaitan industri;
- Mana-mana ejen berkaitan, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang menyediakan khidmat pentadbiran, telekomunikasi, komputer, pembayaran, penjelasan sekuriti, pengurusan, audit atau perkhidmatan-perkhidmatan lain kepada HLISAM;
- Mana-mana institusi perbankan, kewangan atau institusi lain yang mana anda sedang atau bercadang untuk berurusan dengannya;
- Peguam, juruaudit, penasihat cukai, bank-bank pelaburan dan penasihat-penasihat profesional lain yang terhad kepada hubungan perniagaan di mana anda terlibat bersama dengan HLISAM;
- Mana-mana orang perseorangan atau korporat di mana HLISAM memindahkan atau bercadang untuk memindahkan kepadanya mana-mana bahagian kepentingan, obligasi, perniagaan dan/atau operasinya;
- Mana-mana penama, pemegang amanah, pemegang amanah bersama, depository sekuriti berpusat atau pendaftar, penjaga, ejen hartanah, peguam atau orang lain yang terlibat dengan penyediaan perkhidmatan dan produk oleh HLISAM kepada anda;
- Mana-mana pihak yang perlu dibuat penzahiran oleh HLISAM seperti yang dituntut oleh undang-undang, kerajaan atau badan kawal selia yang berkenaan; atau
- Kepada rakan perniagaan HLISAM atau mana-mana pihak lain yang memerlukan maklumat seumpamanya secara munasabah untuk membolehkan HLISAM menjalankan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan seperti di atas.
- Kepada penyedia perkhidmatan insurans HLISAM serta ejen sah mereka, syarikat berkait, sekutu, syarikat insurans atau syarikat takaful lain, pengendali, broker, rakan pengedar (seperti bank, bank islam, broker), persatuan perdagangan industri, pengusaha, rakan strategik, penguatkuasa kawal selia dan agensi kerajaan. Sila ambil perhatian mengenai mana-mana penyedia insurans berkaitan yang produk mereka ditawarkan dengan atau dipautkan kepada produk atau perkhidmatan HLISAM anda. Sila baca notis privasi oleh penyedia insurans kami (dipaparkan di laman web masing-masing) sebelum anda mendapatkan sebarang produk atau perkhidmatan. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai mana-mana penyedia insurans berkaitan dan alamat laman web mereka menggunakan butiran perhubungan yang dinyatakan pada Klausa 7.2 di bawah. Dengan mendaftar untuk mendapatkan sebarang produk atau perkhidmatan bersama kami, anda akan dianggap telah membaca dan menerima notis privasi oleh penyedia insurans berkenaan.

HLISAM boleh menzahirkan Data kepada mana-mana atau semua-pihak yang dinyatakan di atas dan jika perlu, mungkin akan berbuat demikian walaupun tempat perniagaan penerima data adalah di luar Malaysia atau maklumat tersebut yang berikutan dengan penzahiran akan dikumpul, dipegang, diproses atau digunakan oleh penerima data tersebut secara keseluruhannya atau sebahagiannya di luar Malaysia.

6. Kewajipan Subjek Data

- 6.1 Anda bertanggungjawab memberikan maklumat yang tepat dan lengkap kepada HLISAM mengenai diri anda dan mengenai mana-mana individu di mana anda membekalkan maklumat peribadi mereka kepada HLISAM dan untuk mengemaskinikan maklumat peribadi tersebut jika dan apabila ia menjadi tidak betul atau tidak terkini dengan menghubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi melalui butir-butir untuk menghubungi kami yang dinyatakan di bawah.
- 6.2 Jika anda perlu memberi HLISAM maklumat peribadi berkaitan dengan pihak-pihak ketiga (contohnya mengenai suami atau isteri atau anak-anak anda, atau orang yang diberi kuasa atau pengarah daripada organisasi atau syarikat) yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan atau produk yang diminta oleh anda, anda mengesahkan bahawa anda telah (i) mendapatkan kebenaran individu tersebut atau sebaliknya anda berhak memberi maklumat peribadi mereka kepada HLISAM dan untuk HLISAM memproses dan menggunakan maklumat peribadi tersebut dengan sewajarnya, dan (ii) memberitahu individu yang berkenaan mengenai polisi data peribadi HLISAM dan merujuk mereka kepada Dasar Privasi HLISAM di laman web HLISAM di <https://hlam.com.my/hlisam/>.

7. Hak untuk Mengakses, Menghantar dan Memperbetul Data Peribadi

- 7.1 Anda mempunyai hak untuk bertanya sama ada HLISAM menyimpan data anda dan untuk meminta (i) akses; (ii) penghantaran; dan/atau (iii) pembetulan data yang disimpan. Anda dikehendaki untuk mengisi borang dan membuat bayaran pentadbiran yang munasabah boleh dikenakan bagi memproses setiap permintaan data.
- 7.2 Jika anda ingin membuat sebarang permintaan tersebut di atas, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi dan kami akan memudahkan memfasilitasi permintaan anda secepat mungkin.



8. Pindaan kepada Dasar Privasi

- 8.1 Dasar ini boleh dikaji dan dipinda semula dari semasa ke semasa. Kami akan memberitahu sebarang perubahan bersama dengan Dasar yang dikemaskini melalui laman web HLISAM (<https://hlam.com.my/hlisam/>), dan/atau melalui medium komunikasi yang sesuai seperti yang ditentukan oleh HLISAM.

9. Butiran Perhubungan Pegawai -pegawai Perlindungan Data

Nama	Adrian Lee Tze Kuean	Wan Siew Yin
Jawatan	Acting Head of Compliance	Head of Operations
Nombor Telefon	03 2081 8600	
Emel	dpo@hlam.hongleong.com.my	